## KERTAS 2

### Bahagian A: Soalan Struktur

1 (a) F1 Kepentingan dari segi pentadbiran [1*m*]

F2 Memberi peluang kepada rakyat berkhidmat dengan kerajaan [1*m*]

F3 Memilih pegawai kerajaan [1*m*]

F4 Menggalakkan mobiliti sosial [1*m*]

[*Pilih mana-mana* 2]

(b) F1 Mengandungi tiga tahap [1*m*]

F2 Tahap pertama ialah Hsiu Tai [1*m*]

F3 Tahap kedua ialah Chun-Jen [1*m*]

F4 Tahap ketiga ialah Chin Shih [1*m*]

F5 Peperiksaan tahap pertama dijalankan di daerah [1*m*]

F6 Tahap kedua di ibu kota daerah [1*m*]

F7 Tahap ketiga di ibu kota empayar yang bertempat di istana (di hadapan maharaja) [1*m*]

F8 Peperiksaan dikendalikan dengan ketat [1*m*]

F9 Mereka yang meniru akan dikenakan hukuman mati [1*m*]

F10 Pemeriksa akan dikurung sebelum hari peperiksaan [1*m*]

F11 Mereka yang menduduki peperiksaan akan ditempatkan di dalam bilik [1*m*]

F12 Akan disediakan makanan [1*m*]

F13 Mereka dikurung selama tiga hari untuk menulis jawapan [1*m*]

[*Pilih mana-mana 2*]

(c) F1 Untuk melahirkan warganegara tentera yang gagah dan sempurna [1m]

F2 serta setia kepada negara kotanya [1*m*]

F3 Mengutamakan kemahiran menggunakan senjata [1*m*]

F4 Menangani ancaman daripada golongan Helot [1*m*]

[*Pilih mana-mana 2*]

(d) Tidak wajar

F1 Zaman moden ini adalah era globalisasi [1*m*]

F2 Sistem pendidikan lebih mengutamakan pemikiran kreatif dan inovatif [1*m*]

F3 Tumpuan kepada kemahiran insaniah [1*m*]

F4 Selaras dengan perkembangan zaman [1*m*]

F5 Pendidikan mental juga diberikan tumpuan [1*m*]

F6 Bukan semua warganegara akan bertugas dengan pasukan ketenteraan [1*m*]

F7 Dunia moden ini memerlukan warganegara yang mempunyai kemahiran pelbagai [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Pilih mana-mana 3*]

**2** (a) F1 Perkataan dalam bahasa Arab yang bermakna pengganti [1*m*]

F2 Pengganti yang menjalankan tugas pemerintahan dan pentadbiran kerajaan yang sebelumnya dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW [1*m*]

F3 Dalam konteks Islam, perkataan khalifah bermakna tanggungjawab memelihara kemurnian agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhamamd SAW [1*m*]

F4 Tanggungjawab mengekalkan keharmonian serta kestabilan umat Islam [1*m*]

[*Pilih mana-mana 2*]

(b) F1 Memelihara kedudukan agama Islam [1*m*]

F2 Mentadbir negara mengikut hukum syariah yang berpandukan Al-Quran dan Sunnah [1*m*]

F3 Mempertahankan negara Islam daripada ancaman musuh [1*m*]

F4 Bertindak sebagai ketua negara [1*m*]

F5 Menitikberatkan sistem politik, ekonomi dan sosial supaya adanya keseimbangan antara keperluan rohani dengan jasmani [1*m*]

F6 Melantik dan melucutkan jawatan pegawai pentadbiran negara [1*m*]

F7 Menjaga kebajikan rakyat agar mereka menikmati kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat [1*m*]

F8 Menjaga dan meneruskan ajaran Allah [1*m*]

F9 Mengekalkan perpaduan ummah melalui konsep musyawarah/syura [1*m*]

F10 Menguruskan hal ehwal kewangan dan baitulmal [1*m*]

F11 Mengatur pungutan cukai kharaj, jizyah dan zakat [1*m*]

[*Pilih mana-mana 4*]

(c) F1 Mengatasi masalah perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam selepas Nabi Muhammad SAW wafat [1*m*]

F2 Munculnya orang Islam yang murtad [1*m*]

F3 Berlakunya golongan gerakan al-Riddah [1*m*]

F4 Golongan yang menyalahtafsirkan ayat al-Quran [1*m*]

F5 Enggan membayar zakat [1*m*]

F6 Mempertahankan Madinah daripada ancmaan kuasa luar [1*m*]

F7 Ancaman Parsi di sebelah timur dan kerajaan Rom Timur di sebelah barat [1*m*]

F8 Menghantar panglima perang, Khalid bin al-Walid menentang angkatan tentera Parsi di Iraq [1*m*]

F9 Usamah bin Zaid ke Ghassan [1*m*]

F10 Mengumpulkan tulisan al-Quran [1*m*]

F11 Ramai hafiz al-Quran meninggal semasa penentangan terhadap golongan al-Riddah [1*m*]

F12 Memerintahkan Zaid bin Thabit menghimpunkan tulisan ayat al-Quran

pada batu, kulit binatang, kayu dan tulang [1m]

F13 Menyalin semula dan salinan disimpannya [1m]

[*Pilih mana-mana 4*]

**3** (a) F1 Sheikh Tahir Jalaludin [1m]

F2 Syed Syeikh al-Hadi [1m]

F3 Dr Burhanuddin al-Helmy [1m]

[*Pilih mana-mana 2*]

(b) F1 Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia [1m]

F2 Memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu [1m]

F3 Menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam [1m]

F4 Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak memainkan peranan memajukan orang Melayu [1m]

F5 Memperjuangkan emansipasi wanita khasnya dalam bidang pendidikan [1m]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Pilih mana-mana 2*]

(c) F1 Memajukan diri dengan menggunakan al-Quran dan Hadis [1m]

F2 Memajukan kedudukan ekonomi dan sosial [1m]

F3 Menuntut ilmu Allah [1m]

F4 Menjalankan perusahaan dan perniagaan [1m]

F5 Mengadakan sistem pendidikan Islam yang meliputi pendidikan untuk dunia dan akhirat [1m]

F6 Mementingkan pendidikan fardu ain, Ilmu Hisab dan bahasa Inggeris [1m]

F7 Memberi peluang kepada pelajar perempuan untuk mendalami pendidikan [1m]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Pilih mana-mana 2*]

(d) F1 Tentangan daripada Kaum Tua [1m]

F2 Kaum Tua terdiri daripada golongan alim ulama [1m]

F3 Mereka menguasai masyarakat dengan fahaman mereka bahawa Islam adalah tentang akhirat [1m]

F4 Menekankan fardu ain sahaja [1m]

F5 Sekatan undang-undang di Negeri-Negeri Melayu [1m]

F6 Kegiatan dakwah Islam tidak dibenarkan tanpa kebenaran sultan [1m]

F7 Risalah dan buku Kaum Muda tidak dibenarkan bawa masuk ke Negeri-Negeri Melayu [1m]

[*Pilih mana-mana 4*]

**4** (a) F1 Satu sistem peraturan sesuatu negara [1m]

F2 Digubal oleh pemerintah negara sendiri [1m]

F3 Khasnya berkaitan dengan perjalanan sistem pemerintahan dan pentadbiran selain aspek sosial dan ekonomi [1m]

F4 Tujuannya agar rakyat boleh hidup, bekerja dan bekerjasama antara satu sama lain [1m]

F5 Memelihara keamanan dan keselamatan negara [1m]

[*Pilih mana-mana 1*]

(b) F1 Keturunan sultan sebagai pewaris takhta [1m]

F2 Pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor [1m]

F3 Agama Islam sebagai agama negeri [1m]

[*Pilih mana-mana 2*]

(c) F1 Membentuk kerajaan bercorak demokrasi [1m]

F2 Untuk menggantikan pemerintahan raja berkuasa mutlak [1m]

F3 Memantapkan sistem pentadbiran [1m]

F4 Menghalang rancangan British menguasai negeri Johor [1m]

[*Pilih mana-mana 3*]

(d) F1 Raja mesti berbangsa Melayu [1m]

F2 Raja mesti lelaki [1m]

F3 Raja mesti beragama Islam [1m]

F4 Raja mesti merupakan waris pemerintah Johor [1m]

F5 Raja, Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain [1m]

F6 Raja berhak memilih Menteri Besar [1m]

F7 Jawatan Naib Menteri Besar ditentukan oleh Jemaah Menteri tetapi dengan perkenan Raja [1m]

F8 Majlis Negeri mempunyai kuasa perundangan [1m]

F9 Jemaah Negeri mempunyai kuasa pelaksanaan [1m]

F10 Pegawai kanan kerajaan menjadi ahli Majlis Negeri [1m]

F11 Berbangsa Melayu, beragama Islam

dan merupakan rakyat Johor [1*m*]

F12 Pegawai kerajaan yang dilantik mesti mengangkat sumpah dan taat kepada Raja serta kerajaan Johor [1*m*]

F13 Jemaah Menteri bersidang sebulan sekali [1*m*]

[*Pilih mana-mana 4*]

**Bahagian B : Soalan Esei**

**Soalan 5**

(a) Maksud tamadun

F1 Berasal daripada bahasa Arab iaitu daripada perkataan *mudun* dan *madain* [1*m*]

F2 Satu lagi perkataan Arab yang berkaitan ialah *madana* [1*m*]

F3 Mempunyai dua maksud – tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar [1*m*]

F4 Dalam bahasa Inggeris maknanya ialah *civilization* [1*m*]

F5 Tamadun juga bermakna peradaban [1*m*]

F6 Masyarakat Barat mengatakan tamadun dikaitkan dengan pembangunan lahiriah [1*m*]

F7 Iaitu hal kebudayaan seperti penulisan, undang-undang, kesenian dan pembandaran [1*m*]

F8 Menurut sarjana Islam, tamadun merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah [1*m*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

(b) Sebab tamadun awal berlaku di lembah sungai utama

F1 Kesuburan tanah di sekitar [1*m*]

H1a Mudah menjalankan kegiatan pertanian [1*m*]

F2 Memudahkan masyarakat menjalani kehidupan harian [1*m*]

H2a Kemudahan mendapatkan bekalan air dan makanan [1*m*]

H2b Kemudahan pengangkutan dan perhubungan [1*m*]

F3 Sebagai contoh, tamadun Mesopotamia terbentuk di Sungai Tigris dan Euphrates [1*m*]

H3a Orang Sumeria membina petempatan di sana dan menjalankan aktiviti pertanian dengan membina sistem pengairan melalui kawalan terhadap pengaliran air sungai tersebut [1*m*]

H3b Lebihan penghasilan makanan dapat menampung keperluan penduduk [1*m*]

H3c Petempatan awal kemudian berkembang menjadi bandar dan seterusnya muncul negara kota [1*m*]

F10 Kesemua negara kota tamadun Mesopotamia seperti Kish, Ur, Assur dan Mari terletak di sepanjang Sungai Euphrates dan Tigris [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 8 × 1m*]

(c) Bagaimana petempatan kekal, dan bahasa dan tulisan mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia.

<u>Petempatan kekal</u>

F1 Kehidupan manusia secara menetap kerana adanya petempatan kekal [1*m*]

F2 Membawa kepada corak hidup yang lebih sistematik [1*m*]

F3 Manusia tamadun awal membina petempatan kekal di sepanjang lembah sungai [1*m*]

F4 Penting bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan [1*m*]

F5 Kerana adanya bekalan air bagi pertanian dan sumber makanan dan minuman [1*m*]

F6 Manusia yang kreatif dan inovatif mencipta peralatan yang lebih canggih bagi memudahkan kegiatan pertanian, perternakan binatang dan penyimpanan makanan [1*m*]

F7 Mencipta cangkul dan membina sistem pengairan yang lebih baik [1*m*]

F8 Perkembangan ini meningkatkan pengeluaran dan membawa kepada lebihan pengeluaran [1*m*]

F9 Bekalan makanan yang terjamin dapat menampung pertambahan jumlah penduduk [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

<u>Bahasa dan tulisan</u> [1*m*]

F1 Penyebaran ilmu pengetahuan [1*m*]

F2 Sebagai alat perhubungan dalam sesebuah masyarakat [1*m*]

F3 Tujuan untuk urusan pentadbiran [1*m*]

F4 Penyimpanan rekod [1*m*]

F5 Penulisan [1*m*]

F6 Undang-undang [1*m*]

F7 Hal keagamaan [1*m*]

F8 Menyampaikan dan memperkembangkan serta mencatatkan idea dan pemikiran manusia [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

**Soalan 6**

(a) Apakah Piagam Madinah

F1 Perlembagaan bertulis yang digubal oleh Nabi Muhammad SAW [1*m*]

F2 Digubal pada tahun 622M [1*m*]

F3 Berpandukan wahyu Allah [1*m*]

F4 Menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah [1*m*]

F5 Mencatatkan tentang tanggungjawab ketua negara dan rakyatnya [1*m*]

F6 Dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan bukan Islam (Yahudi dan suku Arab yang lain) [1*m*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

(b) Kandungan Piagam Madinah

F1 Politik [1*m*]

H1a Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin kerajaan Madinah [1*m*]

H1b Baginda sebagai ketua hakim yang bertindak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Madinah [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F2 Sosial/Masyarakat [1*m*]

H2a Masyarakat Madinah dianggap sebagai ummah [1*m*]

H2b Mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara [1*m*]

H2c Tidak boleh bermusuhan sesama sendiri [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F3 Agama [1*m*]

H3a Masyarakat Madinah bebas memilih agama masing-masing [1*m*]

H3b Bebas mengamalkan adat mereka selagi tidak bertentangan dengan Islam [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F4 Ekonomi [1*m*]

H4a Masyarakat Madinah bebas mendapat peluang ekonomi - tiadanya diskriminasi [1*m*]

H4b Masyarakat Madinah mesti bekerjasama membangunkan ekonomi negara [1*m*]

H4c Dalam urusan ekonomi, amalan riba dan penipuan dilarang [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F5 Perundangan [1*m*]

H5a Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh [1*m*]

H5b Kabilah boleh mengamalkan peraturan kekeluargaan selagi tidak bertentangan dengan Islam [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F6 Pertahanan [1*m*]

H6a Kewajipan semua anggota masyarakat Madinah mempertahankan Madinah [1*m*]

H6b daripada ancaman musuh luar [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F7 Kedudukan Yahudi [1*m*]

H7a Kedudukan dan keselamatan orang Yahudi terjamin [1*m*]

H7b Mereka dituntut agar menghormati perlembagaan Madinah [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

(c) Bagaimana Piagam Madinah memudahkan Nabi Muhammad SAW meneruskan dakwah Islamiah

F1 Mewujudkan perpaduan dan kesejahteraan hidup [1*m*]

H1a Membentuk masyarakat baharu berasaskan ummah [1*m*]

H1b Masyarakat hidup bersatu padu dan aman [1*m*]

H1c Keharmonian hidup dan perpaduan menjamin keamanan [1*m*]

H1d Dakwah Islamiah dapat diteruskan tanpa gangguan [1*m*]

[*(F + 3H) = 4 markah*]

F2 Sistem pemerintahan yang stabil [1*m*]

H2a Berasaskan peraturan dalam Piagam Madinah [1*m*]

H2b Peraturan berkaitan dengan dunia dan akhirat [1*m*]

H2c Nabi Muhammad SAW diiktiraf sebagai pemimpin di Madinah [1*m*]

H2d Mengukuhkan pemerintahan dan memudahkan dakwah Islamiah diteruskan [1*m*]

[*(F + 3H) = 4 markah*]

F3 Pengasasan kerajaan Madinah secara kukuh [1*m*]

H3a Piagam Madinah digubal terlebih dahulu sebelum pengasasan negara [1*m*]

H3b Masyarakat diikat dahulu dengan perjanjian yang lengkap [1*m*]

H3c Lebih rela bernaung di bawah pemerintahan Islam [1*m*]

H3d Meletakkan Allah SWT sebagai kuasa yang tertinggi [1*m*]

H3e Kerajaan Madinah yang kukuh memudahkan dakwah Islam diteruskan [1*m*]

[(F + 3H) = 4 markah]
[Mana-mana jawapan munasabah]

**Soalan 7**

(a) Latar belakang pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah

F1 Pemerintahan khalifah menjadi semakin lemah pada akhir pemerintahan kerajaan Abbasiyah [1m]

F2 Keadaan ini membawa kepada munculnya kerajaan-kerajaan kecil di kawasan Parsi dan Turki [1m]

F3 Pada tahun 1258 Baghdad diserang oleh orang Mogol [1m]

F4 Dengan ini, berakhirnya pemerintahan kerajaan Abbasiyah [1m]

F5 Kerajaan Saljuk merupakan kerajaan Turki yang penting [1m]

F6 Kerajaan Uthmaniyah bermula sebagai salah sebuah kerajaan kecil [1m]

F7 Terletak di sebelah barat Anatolia [1m]

F8 Pemerintah Anatolia adalah di bawah pengaruh Saljuk [1m]

F9 Namun, Anatolia bebas daripada pengaruh Saljuk dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran [1m]

F10 Kawasan barat Anatolia adalah sebuah kerajaan kecil [1m]

F11 Namun, kerajaan kecil ini berjaya menguasai kerajaan lain dan terbentuknya Kerajaan Uthmaniyah [1m]

[Mana-mana 4 × 1m]

(b) Sumbangan kerajaan Turki Uthmaniyah kepada tamadun dunia

F1 Kewujudan empayar [1m]

H1a Merupakan sebuah kesatuan orang Islam di seluruh dunia [1m]

H1b Istanbul adalah pusat pentadbiran Dunia Islam [1m]

H1c Kerajaan Uthmaniyah dilihat sebagai pelindung kepada umat Islam di seluruh dunia [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F2 Sistem perundangan/ Kanun Suleiman [1m]

H2a Mempertahankan dan membela nyawa, harta dan kehormatan setiap individu tanpa mengenal bangsa dan agama [1m]

H2b Kanun Suleiman ini diperkenalkan oleh Suleiman I [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F3 Sistem organisasi dan pentadbiran perundangan Islam [1m]

H3a Jawatan seperti Kadi dan Mufti diserapkan dalam organisasi pentadbiran Islam [1m]

H3b Jawatan Sheikh-ul-Islam iaitu ketua ulama diperkenalkan untuk mengeluarkan fatwa [1m]

H3c Koleksi fatwa yang dikeluarkan oleh Sheikh-ul-Islam dalam ilmu agama dan sains undang-undang kekal hingga hari ini [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F4 Perkembangan ekonomi [1m]

H4a Istanbul muncul sebagai pusat pertemuan dalam jalinan perdagangan antara Timur dan Barat serta Dunia Islam dengan Dunia Bukan Islam [1m]

H4b Jalinan perdagangan meliputi pelabuhan di sepanjang Laut Tengah, Laut Merah, Laut Hindi dan Laut Mediterranean [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F5 Sistem sosial [1m]

H5a Sebelum pengaruh Kerajaan Turki Uthmaniyah, golongan atasan Eropah mengamalkan sistem bangsawan yang berasaskan keturunan dalam sistem sosial [1m]

H5b Kerajaan Uthmaniyah memperkenalkan sistem yang menggalakkan kecemerlangan individu [1m]

H5c Pembahagian masyarakat bergantung kepada hasil usaha setiap individu [1m]

H5d Ini menggalakkan mobiliti sosial dalam kalangan masyarakat Eropah [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F6 Perkembangan ilmu pengetahuan/ pendidikan [1m]

H6a Sistem madrasah yang paling berpengaruh dalam perkembangan pendidikan Dunia Islam [1m]

H6b Adanya sistem pendidikan Islam seperti sekolah pengetahuan akademik, sekolah sastera, maktab tentera, maktab teknik dan kolej perubatan [1m]

H6c Kepentingan bidang penulisan ensiklopedia [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]

F7 Seni bina [1m]

H7a Sumbangan yang kekal hingga hari ini ialah seni bina masjid [1m]

[(F + 1H) = 2 markah]
[Maksimum: 8 markah]

(c) Sejauh manakah faktor kekuatan tentera

dan kewibawaan pemimpin menentukan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah

Kekuatan tentera

F1 Tentera Islam mempunyai semangat ghazi [1*m*]

H1a Semangat untuk menjadi pahlawan yang sanggup berkorban berjaya memperluas kawasan empayar Kerajaan Turki Uthmaniyah ke Eropah [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F2 Peralatan senjata moden [1*m*]

H2a Mempunyai tentera berkuda dan kumpulan infantri yang kuat [1*m*]

H2b Mempunyai meriam besar yang berjaya membantu perluasan empayar Uthmaniyah menakluki Constantinople [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F3 Mempunyai armada laut yang kuat [1*m*]

H3a Mempunyai 300 buah kapal semasa pemerintahan Suleiman al-Kanuni [1*m*]

H3b Dapat mengawal keselamatan di kawasan Laut Mediterranean [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

Kewibawaan pemimpin

F4 Kejayaan meluaskan pengaruh ke Eropah [1*m*]

H4a Orhan telah bersetuju memberi bantuan kepada Maharaja John VI Cantacuzens dalam usaha beliau untuk menuntut takhta kerajaan Byzantine [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F5 Menjalankan dasar berteraskan diplomasi dan toleransi [1*m*]

H5a Tidak memaksa masyarakat Balkan memeluk Islam [1*m*]

H5b Mengiktiraf kedudukan, perundangan dan harta Gereja Ortodoks [1*m*]

H5c Membenarkan Gereja Ortodoks melindungi kepentingan masyarakat Kristian di Balkan [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

F6 Mengamalkan dasar sosial yang berasaskan kecemerlangan individu [1*m*]

H6a Sebelum itu Eropah mengutamakan latar belakang keturunan [1*m*]

H6b Dasar sosial Islam menitikberatkan usaha setiap individu [1*m*]

[*(F + 1H) = 2 markah*]

[*Maksimum: 8 markah*]

**Soalan 8**

(a) Maksud nasionalisme

F1 Perasaan cinta akan bangsa dan negara [1*m*]

F2 Membawa kepada gerakan membebaskan tanah air [1*m*]

F3 Tidak terhad kepada pembebasan kuasa politik sahaja [1*m*]

F4 Juga pembebasan daripada cengkaman ekonomi dan kebudayaan asing [1*m*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

(b) Faktor kebangkitan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara pada awal abad ke-20

F1 Dasar penjajahan Barat [1*m*]

H1a Penjajah Barat memperkenalkan sistem birokrasi Barat [1*m*]

H1b Tidak memberi peluang kepada rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran moden [1*m*]

H1c Masyarakat tempatan masih hidup mundur dalam ekonomi tradisional [1*m*]

C1a Dasar ekonomi penjajah seperti Sistem Polo (Filipina) dan Sistem Tanaman Paksa (Indonesia) menindas masyarakat peribumi [1*m*]

H1d Mewujudkan jurang sosial apabila penjajah Barat menganggap berada dalam kelas yang lebih tinggi dan tersendiri (kelas elit) [1*m*]

[*Mana-mana 2 × 1m*]

F2 Pengaruh agama [1*m*]

H2a Agama sebagai alat persaudaraan dan persefahaman untuk menyatukan masyarakakat Peribumi menghadapi penindasan penjajah [1*m*]

C2a Contohnya, Gerakan Islah di Indonesia dan Tanah Melayu membuktikan peranan agama sebagai alat perpaduan [1*m*]

H2b Golongan agama memainkan peranan sebagai pencetus nasionalisme [1*m*]

C2b Begitu juga yang berlaku di Filipina di mana agama Kristian yang diperkenalkan oleh Sepanyol digunakan untuk menentang Sepanyol sendiri [1*m*]

[*Mana-mana 2 × 1m*]

F3 Kemunculan golongan intelektual [1*m*]

H3a Golongan intelektual ini menerima pendidikan di Barat dan di Asia Barat [1*m*]

H3b Terpengaruh dengan idea falsafah Barat dan Islam [1*m*]

H3c Sedar bahawa penjajah Barat hanya mementingkan negara sendiri [1*m*]

H3d Golongan intelektual menjadi pencetus dan pelopor gerakan nasionalisme [1*m*]

H3e Mereka kemudiannya meminta pembebasan

negara [1*m*]

[*Mana-mana* 2 × 1*m*]

F4 Perkembangan sistem pendidikan [1*m*]

H4a Penjajah mengamalkan sikap pilih kasih dalam memberikan pendidikan kepada masyarakat tempatan [1*m*]

H4b Sekolah yang menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar sahaja yang diutamakan [1*m*]

C4a Di Indonesia, anak golongan priyayi diberikan pendidikan yang tersendiri, mereka diasingkan daripada anak orang kebanyakan [1*m*]

C4b Lepasan sekolah vernakular di Tanah Melayu mendapati agar sukar untuk mereka mendapat pekerjaan berbanding lepasan sekolah Inggeris [1*m*]

[*Mana-mana* 2 × 1*m*]

F5 Pengaruh karya kesusasteraan [1*m*]

H5a Saluran untuk menyampaikan mesej penindasan dan cengkaman penjajah serta kesengsaraan masyarakat peribumi [1*m*]

H5b Membangkitkan kesedaran kebangsaan dan perasaan cinta akan negara [1*m*]

C5a Di Filipina, novel yang ditulis oleh Jose Rizal iaitu *Noli Me Tangere* mencetuskan gerakan nasionalisme tahap awal [1*m*]

C5b Gerakan nasionalisme Indonesia pada awalnya juga dipengaruhi oleh karya Chairil Anuar iaitu *Kerikil-kerikil Tajam* dan *Ke Makam Bonda* [1*m*]

[*Mana-mana* 2 × 1*m*]

F6 Pengaruh media massa [1*m*]

H6a Menyebarkan idea nasionalis dan menanam perasaan anti-penjajah [1*m*]

C6a Di Vietnam, *Tribune Indigene* dan *Cloche Felee* adalah akhbar yang berpengaruh [1*m*]

[*Mana-mana* 4 × 1*m*]

F7 Pengaruh luar [1*m*]

H7a Kejayaan Jepun menewaskan Rusia pada tahun 1904 [1*m*]

H7b Kemenangan Jepun terhadap China pada tahun 1895 [1*m*]

H7c Membangkitkan semangat nasionalisme kerana kejayaan negara kecil mengalahkan sebuah negara besar [1*m*]

H7d Perjuangan Mahatma Gandhi menentang British di India [1*m*]

[*Mana-mana* 2 × 1*m*]

(c) Sejauh manakah semangat nasionalisme mempengaruhi kemajuan sesebuah negara

H1 Menjamin keamanan negara [1*m*]

H2 Memelihara ketenteraman rakyat [1*m*]

H3 Mengekalkan kemerdekaan/kedaulatan negara [1*m*]

H4 Memelihara identiti bangsa dan negara [1*m*]

H5 Menjamin kestabilan pentadbiran dan pemerintahan [1*m*]

H6 Memelihara warisan dan tamadun bangsa dan negara [1*m*]

H7 Mendukung sistem pemerintahan [1*m*]

H8 Memupuk perpaduan kaum [1*m*]

H9 Memperkukuh jati diri rakyat [1*m*]

H10 Membangunakan ekonomi [1*m*]

H11 Melahirkan warganegara yang cinta akan negara [1*m*]

H12 Melahirkan rakyat yang berdisiplin [1*m*]

H13 Meningkatkan imej dan maruah negara [1*m*]

H14 Membentuk masyarakat yang mempunyai nilai hidup yang positif [1*m*]

H15 Mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan kendiri [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana* 8 × 1*m*]

**Soalan 9**

(a) Sebab Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British

F1 Beliau telah tua dan uzur [1*m*]

F2 Beliau menghadapi masalah kewangan [1*m*]

F3 Tidak berupaya membangunkan ekonomi Sarawak yang meleset selepas Perang Dunia Kedua [1*m*]

F4 Pengganti beliau, Anthony Brooke didapati tidak layak untuk mentadbir Sarawak [1*m*]

F5 British mendesak agar beliau menyerahkan Sarawak [1*m*]

[*Mana-mana* 4 × 1*m*]

(b) Reaksi penduduk peribumi Sarawak terhadap penyerahan tersebut

F1 Ketua bumiputera Sarawak seperti Datu Patinggi Abang Haji Abdillah membantah tindakan Charles Vyner Brooke tersebut [1*m*]

F2 Persatuan Melayu Sarawak dan Persatuan Dayak Sarawak juga menentang kerana penyerahan telah melanggari Perlembagaan

1941 [1m]

F3 Perlembagaan 1941 telah dijanjikan pemberian kerajaan sendiri [1m]

F4 Penyerahan bermaksud penjajahan British secara mutlak terhadap Sarawak [1m]

F5 Masyarakat peribumi menentang ketua kaum bumiputera tidak dibawa berunding tentang penyerahan tersebut [1m]

F6 Penentangan secara terbuka dilakukan oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Barisan Pemuda Melayu (Sibu) dan Persatuan Dayak Sarawak [1m]

F7 Kaum ibu dalam PKMS mengadakan demonstrasi dan juga menghantar surat bantahan [1m]

F8 Kumpulan Rukun Tiga Belas dibentuk antara kaum terpelajar dengan pemuda Sarawak [1m]

F9 Rosli Dhobi, seorang ahli Rukun Tiga Belas telah membunuh Gabenor Sarawak kedua, Sir Duncan Stewart semasa beliau di Sibu [1m]

*[Mana-mana 6 × 1m]*

(c) Sebab British menjadikan Sarawak tanah jajahannya

F1 Sejak tahun 1888, Sarawak telah menjadi negeri naungan British [1m]

F2 Melindungi kepentingan hal ehwalnya [1m]

F3 Persetujuan Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak [1m]

F4 Sarawak mengalami kemusnahan dan kerosakan selepas Perang Dunia Kedua [1m]

F5 British berpendapat hanya mereka yang mampu memajukan semula ekonomi Sarawak [1m]

F6 British ingin menjaga kepentingan ekonominya di Sarawak [1m]

F7 Ingin menjamin pelaburan dan modal British dalam perusahaan getah, lada hitam, sagu dan kelapa [1m]

F8 Sarawak kaya dengan hasil bumi seperti pembalakan dan hasil minyak [1m]

F9 Sarawak mempunyai potensi sebagai pembekal bahan mentah dan tempat pemasaran barangan keluaran Britain [1m]

*[Mana-mana jawapan munasabah]*

*[Mana-mana 4 × 1m]*

(d) Sebab slogan tersebut digunakan oleh rakyat Sarawak

F1 Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menggalakkan penjajahan baharu [1m]

F2 Piagam menyarankan agar pihak penjajah memberikan latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan [1m]

F3 Penyerahan Sarawak kepada kerajaan British melanggari prinsip Piagam Atlantik tersebut [1m]

F4 Dengan penyerahan tersebut, Sarawak telah menjadi tanah jajahan Mahkota British [1m]

F5 Ini bermakna Sarawak dipaksa menerima penjajahan mutlak British itu [1m]

F6 Taraf kerajaan sendiri bagi Sarawak terjejas [1m]

F7 Melanggari Perlembagaan 1941 [1m]

F8 Melambatkan pencapaian kemerdekaan [1m]

*[Mana-mana jawapan munasabah]*

*[Mana-mana 6 × 1m]*

**Soalan 10**

(a) Sebab kerajaan fokus kepada usaha memperbaiki taraf hidup masyarakat luar bandar dalam Rancangan Malaysia Pertama

F1 Mengurangkan kadar kemiskinan [1m]

F2 Merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar [1m]

F3 Mewujudkan perpaduan kaum [1m]

F4 Masyarakat luar bandar masih dalam keadaan mundur [1m]

F5 Masyarakat luar bandar diabaikan di bawah pemerintahan British [1m]

F6 Menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi [1m]

*[Mana-mana jawapan munasabah]*

*[Mana-mana 4 × 1m]*

(b) Usaha FELDA dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar

F1 Pembukaan tanah di bawah projek [1m]

F2 seperti Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara [1m]

F3 Mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baharu seperti Jengka, Serting dan beberapa tempat lain [1m]

F4 Sebagai badan menjana kekayaan melalui Felda Global Ventures Holding (FGV) [1m]

F5 Melaksanakan Program Pembangunan Usahawan [1m]

F6 Usahawan digalakkan supaya

mempelbagaikan aktiviti usahawan yang menghasilkan pendapatan bagi mengurangkan pergantungan warga FELDA kepada pendapatan daripada hasil kebun [1*m*]

F7 Menyediakan latihan dan kemahiran, khidmat nasihat, peruntukan dan pinjaman dan segala bentuk latihan keusahawanan dengan bantuan agensi lain seperti Jabatan Perikanan, MARDI dan MARA [1*m*]

F8 Menganjurkan Simposium dan Ekspo Usahawan FELDA (Simex) [1*m*]

F9 Mewujudkan Jabatan Pembangunan Usahawan FELDA untuk membangunkan usahawan berpotensi dan berdaya maju [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 8 × 1m*]

(c) Bagaimanakah program tersebut boleh membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar?

F1 Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar [1*m*]

F2 Meningkatkan hasil pertanian negara [1*m*]

F3 Membuka tanah baharu secara besar-besaran untuk pertanian [1*m*]

F4 Membuka tanah baharu untuk petempatan [1*m*]

F5 Menyediakan kemudahan asas di kawasan tanah baharu dibuka [1*m*]

F6 Memindahkan penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan petempatan baharu [1*m*]

F7 Menjadikan penduduk luar bandar yang miskin sebagai petani moden [1*m*]

F8 Memberi tumpuan kepada penanaman getah dan kelapa sawit di kawasan tanah baharu dibuka [1*m*]

F9 Melalui konsep pembangunan reformasi tanah [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 8 × 1m*]

**Soalan 11**

(a) Sejarah penubuhan ASEAN

F1 Kegagalan ASA dan MAPHILINDO [1*m*]

F2 Disebabkan cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia [1*m*]

F3 Malaysia masih berhasrat mewujudkan persahabatan dan kerjasama dengan negara-negara jiran [1*m*]

F4 ASEAN ditubuhkan oleh lima negara pengasas; Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand di Bangkok melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 [1*m*]

F5 Menteri Luar ketika itu ialah Adam Malik (Indonesia), Narciso R. Ramos (Filipina), Tun Abdul Razak (Malaysia), S. Rajaratnam (Singapura), dan Thanat Khoman (Thailand) [1*m*]

F6 Jumlah keanggotaan ASEAN bertambah menjadi sepuluh apabila kesemua negara di Asia Tenggara menjadi ahli [1*m*]

F7 Papua New Guinea dilantik sebagai pemerhati kerana negara ini terletak bersempadan dengan Indonesia tetapi bukan di dalam zon Asia Tenggara [1*m*]

[*Mana-mana 4 × 1m*]

(b) Peranan Malaysia dalam membantu ASEAN mencapai matlamat mengekalkan dan meningkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau

F1 Konsep ZOPFAN (Zone of Peace, Freedom and Neutrality - Zon Aman, Bebas dan Berkecuali) [1*m*]

H1a Hasil cadangan Tun Abdul Razak, konsep ZOPFAN telah diumumkan oleh Menteri-menteri luar ASEAN [1*m*]

H1b Melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada 27 November 1971 di Kuala Lumpur [1*m*]

H1c Bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara [1*m*]

H1d Tidak bersekongkol dengan mana-mana blok Barat atau blok Timur demi mengelakkan daripada campur tangan kuasa besar [1*m*]

F2 Zon Bebas Senjata Nuklear [1*m*]

H2a 1984 – Menteri-Menteri Luar ASEAN telah memutuskan bahawa ASEAN ialah Zon Bebas Senjata Nuklear [1*m*]

H2b Rantau Asia Tenggara ini tidak akan membenarkan mana-mana kapal menggunakan perairan dan kemudahan pelabuhannya [1*m*]

H2c Untuk mengangkut bahan atau senjata nuklear [1*m*]

H2d Pengisytiharan ini mengukuhkan konsep ZOPFAN [1*m*]

[*Mana-mana 8 × 1m*]

(c) Berjayakah ASEAN mencapai matlamat tersebut?

Tidak Berjaya

F1 Pencerobohan wilayah [1*m*]

H1a Malaysia menghadapi masalah tersebut di Lahad Datu oleh kumpulan minoriti Filipina [1*m*]

H1b Ruang udara Malaysia dicerobohi oleh Singapura apabila melakukan latihan penerbangan [1*m*]

H1c Perebutan Pulau Batu Putih antara Malaysia dengan Singapura [1*m*]

H1d Konflik Pulau Sipadan dan Ligitan di Sabah [1*m*]

H1e Isu konflik antara Malaysia dengan Filipina tentang tuntutan ke atas Sabah [1*m*]

H1f Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dengan konsep 'Ganyang Malaysia [1*m*]

F2 Perebutan kepulauan Spratly dalam kalangan anggota ASEAN [1*m*]

H2a Untuk menikmati hasil kekayaan Kepulauan Spratly [1*m*]

H2b Pada tahun 1972 Filipina secara rasmi mengisytiharkan beberapa pulau di Kepulauan Spratly seperti Kepulauan Kayalan menjadi milik Filipina [1*m*]

H2c Vietnam telah menghantar tenteranya berkawal di sekitar Pulau Spratly bagi mengelakkan negara lain mencerobohi Kepulauan Spratly [1*m*]

H2d Malaysia dan Brunei juga tidak terkecuali menuntut hak terhadap Kepulauan Spratly dengan alasan kepulauan tersebut terletak dalam Zon Ekonomi Eksklutif (ZEE) yang membenarkan negara mengurus dan menggunakan sumber Kepulauan Spratly [1*m*]

H2e Campur tangan negara China pada tahun 1988 dengan menghantar tenteranya [1*m*]

H2f Berlaku pertempuran antara tentera Vietnam dengan tentera China yang menggugat keamanan ASEAN [1*m*]

H2g Rundingan dan penyelesaian dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu [1*m*]

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

[*Mana-mana 8 × 1m*]